

Lembaran Fakta 3: Tentang mengundi (Pilihan raya Negeri)

Di Australia Barat, ada dua dewan Parlimen.

Dewan rendah dinamakan Dewan Undangan. Dewan ini mengandungi 59 orang Ahli.

Setiap Ahli dipilih untuk mewakili satu daripada 59 daerah pilihan raya.

Dewan tinggi dinamakan Majlis Undangan.

Majlis ini mengandungi 36 orang Ahli, iaitu enam ahli bagi setiap satu daripada enam kawasan pilihan raya.

Anda mengundi calon pilihan anda untuk mewakili daerah atau kawasan tempat anda tinggal. Pemenang pilihan raya akan mewakili anda di dewan.

Semasa pilihan raya, anda diminta untuk mengundi calon yang anda inginkan untuk mewakili anda di:

- daerah Dewan Undangan anda
- kawasan Majlis Undangan anda.

Untuk mengundi, anda diberikan dua kertas undi.

Kertas undi putih yang kecil adalah untuk Dewan Undangan (daerah anda).

Baca arahannya dengan teliti.

Gunakan nombor sahaja.

Bermula daripada nombor '1', berikan nombor pada petak-petak itu mengikut urutan pilihan anda.

Kertas undi berwarna yang besar adalah untuk Majlis Undangan (kawasan anda).

Baca arahannya dengan teliti.

Gunakan nombor sahaja.

Ada dua pilihan untuk anda menandakan kertas undi.

Anda boleh menulis nombor '1' dalam petak di sebelah parti atau kumpulan yang anda pilih, di atas garisan

atau

Anda boleh berikan nombor pada semua petak di bawah garisan, mengikut urutan pilihan anda.

Anda boleh meminta bantuan pegawai pengundian pada bila-bila masa.

Menjadi calon

Untuk menjadi calon, anda mesti didaftarkan untuk mengundi.

Lihat penerangan lanjut tentang cara mendaftar, di bahagian 'Tentang mendaftar'.

Untuk mencalonkan seseorang, anda perlu:

- melengkapkan borang pencalonan
- memberikan semua maklumat yang diminta
- membayar wang deposit.

Jumlah deposit bergantung pada peringkat pilihan raya, sama ada Negeri, Persekutuan atau kerajaan tempatan.

Anda boleh membuat pencalonan secara perseorangan, atau sebagai ahli parti atau kumpulan politik.

Untuk penerangan lanjut, layari www.elections.wa.gov.au atau telefon 13 63 06 atau (08) 9214 0400 jika berada di negeri lain.